



MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

**HARI RABU
4 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 5 MAC 2025
(HARI KELIMA)**

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 4 Ramadan 1446 / 5 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kelima pada hari ini, Rabu, 4 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 5 Mac 2025 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, Imam Jame Asr' Hassanil Bolkiah)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat sama-sama berkumpul lagi pada hari ini untuk bersidang bagi hari kelima di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini dengan Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang beralih kepada waktu pertanyaan.

Sebagaimana lazimnya waktu ini akan dihadkan kepada satu jam dan Yang Berhormat Menteri adalah diberikan 10 minit bagi menjawab setiap pertanyaan. Mana-mana pertanyaan yang tersenarai di dalam Perintah Harian tetapi tidak sempat dijawab akan dijawab secara bertulis dan akan diterbitkan dalam talian sebagai Dokumen Rasmi Majlis Mesyuarat Negara.

Di hadapan kita sekarang terdapat senarai pertanyaan yang telah pun dikemukakan. Saya mulakan dengan

soalan pertama dari Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam kepada Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. *(Doa dibaca).*

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, terima kasih. Soalan yang datangnye daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah ialah berhubung dengan dua perkara Yang Berhormat.

Pertama dapatkah kementerian mencadangkan pakej tambahan dengan kos lebih rendah iaitu mengenai hal ehwal haji ini? Mengambil kira cadangan-cadangan yang telah disarankan oleh agensi pengoperasian haji dan umrah dan ketersediaan jemaah mengorbankan kemewahan-kemewahan yang terbiasa. Ini ialah kerana kos pakej haji pada tahun ini 2025 adalah meningkat sebanyak 7 ke 8% yang merupakan adalah 49% berpunca daripada penginapan dan makanan.

Soalan kedua ialah apakah usaha-usaha kementerian untuk mengurangkan giliran menunggu bakal jemaah-jemaah haji?

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Mengenai cadangan pakej haji tambahan dan kos lebih rendah itu, untuk makluman Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua terutama sekali Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam bahawa pada tahun 2024, tahun lalu, sebuah

jawatankuasa *ad hoc* bagi meneliti cadangan-cadangan yang disuarakan oleh syarikat-syarikat pengendali pakej haji telah dibentuk bahkan cadangan-cadangan itu ada dibawa ke Dewan ini dan dibawa juga dalam perundingan-perundingan di peringkat kementerian.

Jawatankuasa *ad hoc* itu adalah bertujuan bagi meneliti sehalus-halusnya harga pakej haji dan meneliti pakej haji secara menyeluruh. Tujuan yang kedua, mencari kaedah bagi menangani kenaikan bahan harga pakej haji yang boleh meringankan beban kewangan bakal jemaah haji tetapi dalam masa yang sama masih tetap mengekalkan perkhidmatan pakej haji yang terbaik untuk jemaah haji Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dasar yang berjalan pada masa ini menghendaki lokasi hotel-hotel penginapan berada di dalam kawasan pusat iaitu sekitar satu kilometer dari Masjidil Haram di Mekah dan dari Masjidil Nabawi di Madinah.

Dasar ini adalah mengambil kira untuk pertama sekali dari segi kemudahan untuk bahagian perubatan mengendalikan apa namanya tu perkhidmatan perubatan kepada jemaah-jemaah dan yang selebihnya itu adalah untuk memudahkan jemaah-jemaah berulang alik setiap waktu sembahyang ke Masjidil Haram dan juga di Madinah ke Masjidil Nabawi. Jadi, dua perkara itu yang diambil kira dalam perkara yang selalu kitani amalkan sebagai dasar jemaah haji bagi Brunei.

Perlu juga difahami bahawa dasar kerajaan pada masa ini, itu yang kaola nyatakan tadi adalah supaya kualiti perkhidmatan haji perlu diutamakan dan dikekalkan. Matlamatnya adalah bagi menjaga kesejahteraan jemaah haji bahkan juga keselamatannya. Ini adalah berdasarkan pengalaman beberapa tahun yang lalu yang mana jemaah kitani menghadapi masalah-masalah semasa menunaikan fardu haji.

Masalah-masalah itu setelah dikenal pasti ialah kerana kitani mengikut sekadar apa yang ada, jadi akhirnya perkara-perkara itu menimbulkan perkara yang agaknya yang tidak baik kepada jemaah-jemaah bahkan juga memberikan imej yang kurang baik kepada negara kitani. Jadi, kerana itulah dasar telah dibuat sedemikian setakat sekarang ini berjalan dengan baik.

Cuma lagi menimbulkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, ada operasi-operasi haji berpendapat ia boleh mengurangkan perbelanjaan bebanan yang sekarang ditanggung oleh jemaah-jemaah haji, kos naik haji itu terlalu mahal. Ia boleh mengurangkan dengan cara apa namanya tu setakat yang dinyatakan tadi permukiman dalam erti kata penginapan di hotel yang jauh di luar daripada 1 kilometer itu dan juga hotel-hotel itu tentulah tarafnya barangkali tidaklah setaraf mana hotel yang berdekatan yang dipakai pada masa ini.

Yang kedua, apa namanya jemaah-jemaah mengikut laporan ani yang tahun ani bersedia untuk mengorbankan keselesaan mereka. Atu dari segi jemaah. Jadi, kitani dari segi kerajaan melihat kepentingan itu kitani ambil kira ialah dari segi keselesaan yang sebenarnya-benarnya dan juga kesejahteraan serta keselamatan terutama dalam perubatan-perubatan dan sebagainya.

Maka, setakat itu telah dibuat kaji selidik Yang Berhormat Yang Di-Pertua, tahun lepas dan tahun sebelumnya menunjukkan bahawa kaji selidik kepada jemaah, sejauh mana kaji selidik ani *reliable* atau macam mana tetapi kenyataannya hasilnya ialah lebih 80% hampir 90% mengatakan berpuas hati dengan apa yang dinikmati ataupun dialami semasa menunaikan haji dengan kos yang telah mereka bayar dan tanggung itu.

Selebihnya, katalah 12% ke 15% menyatakan belum apa ni menyatakan tidak berpuas hati. Tidak berpuas hati itu ada dua, mungkin tidak berpuas hati kerana tidak selaras dengan harga yang dibayar. Jadi, apa yang dijangkakan lebih selesa tetapi tidak selesa. Ataupun, tidak berpuas hati memadailah kalau macam ani baiktah kitani ikut pakej-pakej murah sahaja, boleh jadi sedemikianlah. Tetapi yang pasti lebih 80% adalah berpuas hati Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Jadi, untuk pada masa ini sebagai langkah ke hadapan, apa yang akan dibuat oleh kementerian, terutama sekali

kerajaanlah kerana dalam perkara haji ini banyak agensi-agensi yang terlibat. Jadi, kerajaan dalam erti katanya dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Walau bagaimanapun, setakat ani ialah sebagai langkah ke hadapan, langkah-langkah peningkatan terus perlu dilaksanakan iaitu melalui soal selidik secara berkala untuk mendapatkan maklum balas dan menyesuaikan perkhidmatan dengan keperluan jemaah.

Jadi, kalau diambil daripada penjelasan kaola ani Yang Berhormat Yang Di-Pertua, maknanya pada masa ani setakat apa yang diterima oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan agensi-agensi lain iaitu cadangan-cadangan setakat mana cadangan-cadangan itu kaola boleh mengatakan belumlah sejelas mana Yang Berhormat Yang Di-Pertua, belum sekonkrit mana.

Yang diperlukan dalam apa ni dalam cadangan-cadangan itu, apa pengurangan itu? Atau semata-mata pengurangan dari segi penginapan? Penginapan dari segi taraf hotel itu sahaja? Atau daripada jarak jauhnya sahaja? Atau taraf penginapan itu juga bergantung kepada kelamaan atau tempoh berada di tanah suci? Jadi, ani anda ada disebutkan ni kerana yang pernah kitani ketahui dan operator-operator mengetahui bahawa ada jemaah-jemaah haji dari setengah-setengah negara jiran, tempoh haji mereka tidak seperti kitani. Jadi, mereka dapat mengurangkan kos bayaran, ada

caranya, tapi kitani belum dapat lagi mendapati perkara sedemikian itu.

Jadi, kalaulah operasi-operasi haji ani dapat mengemukakan cadangan yang lebih jelas dan konkrit dengan butir-butirnya, lumih-lumihnya yang dapat dilihat. Yang penting sekali, adanya perhubungan operator-operator ini dengan agensi-agensi di Saudi Arabia, di Mekah, Madinah termasuk di Jeddah dari agensi-agensi yang *reliable*.

Jangan nanti buat perjanjian, lalu terjadi apa-apa sebagaimana terjadi pada masa-masa dahulu sehinggakan jemaah-jemaah kitani kan balik, passport di tangan hotel, hotel tidak melepaskan passport selagi belum dibayar oleh ejen yang berada di sana, sedangkan bayaran itu sudah pun dijelaskan oleh orang kitani orang Brunei dan jemaah dari agensi-agensi kitani yang membawa mereka ke sana. Tetapi agensi yang menguruskan di sana tidak *reliable* nampaknya. Terpaksa ada campur tangan. Kaola masih ingat lagi perkara sedemikian itu dan itulah yang patut dielakkan.

Jadi, untuk ke hadapan, kaola tidak dapat mengatakan apa namanya tu cadangan ani bulat-bulat ditolak. Kalau operator-operator haji dapat mengemukakan satu cadangan yang lebih konkrit, yang jelas dan *reliable* dan boleh dipercayakan dalam erti kata ada contoh-contohnya yang dapat dilihat dan kalau mereka mengurangkan keselesaan, sanggup sedemikian, tetapi apa jua caranya yang dapat dilihat oleh kerajaan, insya-Allah, kitani akan sama-

sama menunduki, insya Allah tu Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Yang kedua daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam meminta apa ni apalagi langkah ke hadapan untuk usaha-usaha mengurangkan giliran menunggu bakal jemaah haji. Untuk pengetahuan kitani, jumlah kitani seribu kuota kitani itu adalah ehsan daripada kerajaan Arab Saudi bukan semata-mata dari Kementarian Hal Ehwal Haji dan Umrh jadi sudah 150 peratus daripada kuota kitani yang sebenarnya tu Pehin.

Walau bagaimanapun kitani berdoalah, mudah-mudahan dari semasa ke semasa ada lagi ehsan-ehsan yang tertentu. Dalam masa yang sama, aturan-aturan dari pengurusan telahpun di buat tu, ani dimaklumi oleh orang ramai ni. Antaranya apa namanya tu, orang yang sudah ber Haji tidak diutamakan. Keutamaan diberikan kepada orang yang barukan naik Haji kecuali mereka membawa ahli keluarga yang belum Haji.

Yang kedua, kesediaan jemaah-jemaah yang mendapat giliran untuk menunaikan haji dalam erti kata jelas bahawa ada kewangannya yang mencukupi. Jadi kalau kesanggupan tidak ada, maka giliran akan diberikan kepada yang lain. Jadi itu kaola melebihi dua minit Pehin, minta maaf Pehin itu tah jawapan kaola. Mudah-mudahan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam dapat berpuas hati. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan Kedua iaitu dari Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed kepada Menteri Kesihatan. Saya persilakan Menteri yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, koala ingin memohon izin untuk menjawab soalan PL2 ini terus bersama dengan PL132 dan PL145 memandangkan isu-isu yang disoalkan adalah semua berkaitan dengan perkhidmatan yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan Ketiga ialah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Doa dibaca).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf dan Yang Berhormat Awang Haji Mohammad

Salleh bin Haji Othman berhubung dengan akses rawatan pergigian, rancangan penambahan kapasiti perkhidmatan pergigian dan faktor serta perbezaan kos rawatan pergigian di dalam dan di luar negeri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan mengendalikan perkhidmatan pergigian sepenuh masa di sembilan pusat-pusat kesihatan, empat di hospital kerajaan dan satu di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak. Pusat Pergigian Negara, *National Dental Centre* adalah klinik pergigian utama *or main hub* di Negara Brunei Darussalam yang menempatkan empat puluh buah kerusi buah pergigian yang digunakan untuk 15 Pakar Pergigian, tujuh Pegawai Pergigian, lima Jururawat Pergigian *or Dental Hygienist and Therapist* dan tiga belas kerusi untuk latihan pergigian.

Di samping itu, pusat ini juga menempatkan makmal pergigian dengan tujuh belas Juruteknologi dan Juruteknik pergigian yang bertugas mengendalikan pembuatan prostesis pergigian seperti gigi palsu, *crown* dan *bridgework*.

Perkhidmatan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pergigian ataupun JPP meliputi penjagaan kesihatan mulut asasi seperti tambalan, cabutan dan penyucian gigi *or scaling* dan juga perkhidmatan kepakaran pergigian seperti Ortodontik, pemasangan *braces*, Prostodontik, penyediaan *crowning*, *bridging* dan gigi palsu, *Oral Surgery*, pembedahan mulut, Periodontik, Endodontik, Pergigian Pediatrik,

Pergigian Berkeperluan Khas, *Special Care Dentistry*.

JPP sedang dan akan terus berusaha memberikan khidmat di luar klinik pergigian seperti mengendalikan perkhidmatan ke kampung-kampung pedalaman melalui *Travelling Health Services*, membuat lawatan ke pusat-pusat dan kediaman pesakit yang berkeperluan khas melalui Program Senyum Kasih dan juga membuat lawatan klinik pakar or *visiting specialist clinic* ke luar daerah bagi meningkatkan kebolehcapaian or *accessibility* perkhidmatan pergigian.

Di samping itu, JPP melalui Bahagian Kesihatan Mulut Awam juga mengendalikan Program Promosi Kesihatan Mulut or *Oral Health Awareness* ke sekolah-sekolah, Program Khidmat Bakti Negara, Institusi Kelainan Upaya, Pusat Kegiatan Warga Emas, media massa melalui RTB dan stesen radio dan serta platform sosial media IG dan TikTok.

Menurut statistik JPP, jumlah kedatangan pesakit ke klinik-klinik pergigian Kerajaan adalah di antara 150,000 - 162,000 setahun sebelum COVID-19. Walau bagaimanapun kehadiran pesakit pergigian pada tahun 2024 berkurangan sedikit ke 139,885 pesakit. Kadar tempahan untuk perjanjian pergigian melalui *BruHealth* dianggarkan dalam 90 - 95%.

Walaupun bagaimanapun, hanya 85 - 90% yang hadir dan selebihnya gagal untuk hadir. Bilangan slot perjanjian sudah pun ditambah secara beransur-ansur bagi

memberi peluang kepada orang ramai untuk menempah perjanjian.

Perkhidmatan Pergigian Sekolah sudah pun beroperasi sebanyak empat puluh tiga klinik pergigian di sekolah-sekolah rendah di seluruh Brunei. Perkhidmatan Pergigian Sekolah ini telah pun dilaratkan ke sekolah menengah yang dikendalikan oleh pegawai pergigian dan dimulakan di Sekolah Menengah Chung Hwa yang menyediakan dua kerusi pergigian. Insya Allah inisiatif ini akan diperluaskan ke sekolah-sekolah menengah lain di seluruh Brunei.

Menurut statistik JPP pada tahun 2016, Brunei mencatatkan 105 doktor pergigian manakala pada tahun lepas ia mencatatkan peningkatan kepada 138 doktor pergigian di seluruh negara.

Daripada jumlah ini, 105 doktor pergigian berkhidmat di dalam penjagaan kesihatan mulut asasi merangkumi Kementerian Kesihatan, sektor swasta dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yana mana 33 doktor pergigian bertugas di bahagian pakar dan seramai 21 doktor gigi pakar adalah tenaga tempatan. Dari segi akses kepada perkhidmatan pergigian, nisbah doktor gigi dalam penjagaan kesihatan mulut asasi pada penduduk seramai 450,500 orang ialah 1:4,290.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan melalui JPP sedang giat dalam memastikan penaiktarafan perkhidmatan dan perancangan yang lebih strategik dimana menangani isu-isu sedia ada dalam penyediaan perkhidmatan. Antara

lain adalah dalam program-program asas dan *upskilling* pegawai-pegawai dan kakitangan untuk memastikan perkhidmatan pergigian yang selamat dan berkualiti termasuk penghantaran pegawai-pegawai pergigian ke luar negara untuk menjalani kursus latihan kepakaran lanjutan *or advance specialty training*.

Manakala rancangan untuk menaik taraf dari segi teknologi pergigian juga diambil kira dengan adanya penggunaan sistem *Computer Aided Design and Computer Aided Manufacture, CAD CAM* di bahagian makmal pergigian bagi pembuatan aplians pergigian secara digital. Teknologi ini dapat mengurangkan beberapa prosedur konvensional dan menggunakan bahan khas dengan ketahanan yang lebih baik. Dengan adanya teknologi ini, diharap akan dapat membantu menghasilkan prostesis pergigian dengan lebih efisien, berkualiti dan kos efektif.

Difahami ramai penduduk di negara ini menjalani rawatan pergigian di negara-negara jiran. Untuk mengetahui faktor utama yang menyebabkan rakyat memilih untuk membuat rawatan pergigian di negara-negara jiran memerlukan maklumat atau data melalui kajian secara terperinci yang diajukan kepada penduduk di negara ini.

Namun yang demikian, kaola berpendapat, ini adalah *a matter of individuals' choice*. Ini mungkin kerana sebahagian individu ingin mengambil kesempatan untuk mendapatkan rawatan di negeri jiran semasa mereka

melawati atau beriadah ataupun melancong. Pada masa ini, pesakit yang dimasukkan dalam senarai *waiting list* boleh memulakan rawatan pendakap gigi dalam tempoh kurang daripada 2 tahun. Ini jauh lebih pendek berbanding beberapa tahun yang lalu, yang mana boleh mencecah sehingga 5 tahun.

Kalau di lihat dari segi kos rawatan pergigian pula, kos rawatan pergigian di klinik-klinik kerajaan telah pun di beri subsidi yang sangat besar, malahan bagi kebanyakan rawatan pergigian ianya adalah diberikan secara percuma kepada seluruh rakyat di negara ini. Perlu diingat, dalam memilih pusat-pusat pergigian untuk mengendalikan perkhidmatan ini adalah penting untuk memastikan bahawa klinik dan pengamal yang dipilih adalah berdaftar, diiktiraf dan memenuhi piawaian antarabangsa bagi memastikan keselamatan dan keberkesanan rawatan.

Di negara ini terdapat sebanyak lapan buah klinik pergigian swasta dan juga dua buah klinik pergigian di hospital swasta yang menawarkan perkhidmatan pergigian dengan jumlah dua puluh tujuh doktor pergigian yang berdaftar dengan Lembaga Perubatan Brunei.

Kementerian Kesihatan mengalu-alukan lebih banyak lagi klinik-klinik swasta di negara ini dan JPP akan terus memantau keperluan dan potensi untuk berkolaborasi dengan pihak swasta dalam mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Dengan mengambil ingatan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah pun menjawab soalan keempat, yang telah pun ditujukan ataupun dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Jadi, sekarang beralih kepada soalan yang kelima iaitu dari Yang Berhormat Awang Haji Zainol bin Haji Mohamed kepada Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan, Dato.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin memohon izin supaya dapat menjawab soalan-soalan PL5 dan PL97 iaitu soalan yang kelima dan keenam sekali gus, memandangkan soalan-soalan berkenaan adalah berkait rapat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Jadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II berhajat untuk menjawab soalan keenam seterusnya yang telah pun dikemukakan oleh Dayang Chong Chin Yee. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pertama, Mengenai dengan PL5 tentang bantuan kerajaan untuk membantu perniagaan terhadap peningkatan kos barangan. Sepertimana yang telah

dialami, semasa penghujung akhir pandemik *COVID-19*, inflasi telah meningkat disebabkan beberapa faktor seperti gangguan rantai bekalan global dan peningkatan kos tenaga global.

Sebagai negara pengimport, harga kebanyakan barang yang diimport ke negara ini juga telah meningkat di luar kawalan kitani. Dalam perkara ini, sepertimana yang kaola telah sampaikan dalam kertas Pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan tempoh hari, inflasi global telah mula menurun dan ini diharap akan dapat mengurangkan harga bagi beberapa barangan tertentu.

Di samping itu, kaola jua ingin mengingatkan bahawa kerajaan terus memberikan subsidi kepada keperluan asasi termasuk beras, bahan api dan *charge utilities* seperti elektrik dan air yang sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan kesan kepada penduduk di negara ini yang mana, jika ianya tidak diberikan, berkemungkinan rakyat dan penduduk akan lebih terkesan oleh inflasi sepertimana yang berlaku di negara-negara lain.

Jika dilihat data rasmi terkini yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik bagi negara kita, kadar inflasi pada tahun 2017 hingga 2024 hanya adalah pada sekitar 1% setahun secara prorata. Ini dianggap rendah berbanding dengan banyak negara lain yang mengalami inflasi yang jauh lebih tinggi. Perlu

difahami bahawa kadar inflasi akan turun naik dari masa ke semasa.

Di samping itu, memandangkan kebanyakan barang-barang *intermediary* bergantung kepada sumber import, maka kadar inflasi global setentunya akan memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha di negara ini. Oleh yang demikian, bagi perniagaan untuk sentiasa kekal kompetitif, peniaga dan pengusaha haruslah tetap *agile* ataupun bijak dan responsif terhadap perubahan persekitaran seperti meningkatkan produktiviti dan *cost efficiency* serta lebih inovatif.

Soalan seterusnya, PL97 adalah untuk membantu perniagaan tempatan fahami tren pengguna dan peraturan perniagaan luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli, setiap tahun pelbagai ekspo dalam dan luar negara seperti *CHINA-ASEAN Expo* ataupun *CAEXPO* dianjurkan oleh BEDB serta beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi membuka peluang pasaran kepada perniagaan tempatan.

Salah satu acara tahunan utama ialah *Brunei MSME Festival* yang diperkenalkan sejak 2019 yang pada tahun ini akan berlangsung pada 13 hingga 16 Mac di *Setia Point Shopping Mall*, menghimpunkan 186 penyertaan MSMEs merangkumi berbagai sektor seperti *F&B*, fesyen, kecantikan dan perkhidmatan. Sebagai tambahan, dalam acara tahunan tersebut terdapat program *hosted buyer* iaitu inisiatif *business matching* yang pada tahun ini

akan menemukan perniagaan tempatan dengan 4 pembeli dari 3 buah syarikat dari Singapura dan 1 syarikat dari Malaysia bagi meneroka peluang ekspso.

Selain mempromosikan produk tempatan ke pasaran domestik dan antarabangsa, pihak kerajaan jua telah mengundang banyak pembeli luar negara untuk menggalakkan interaksi dan dialog antara mereka dan perniagaan kitani, terutama bagi perniagaan tempatan yang sudah bersedia dengan produk mereka untuk dieksport ke pasaran luar negara.

Terdapat jua *Brunei Mentor for Entrepreneurs Network, Program Elevate, Youth Entrepreneurship Eco System, I-Usahawan* dan *DARe LINKS* yang disediakan bagi meningkatkan kemahiran usahawan, pemasaran, pensijilan antarabangsa dan jua mengongsikan mengenai persekitaran perniagaan dan dasar perniagaan di dalam negara dan pasaran antarabangsa. Dengan terhadnya *variety* dan jumlah produk yang sedia ada untuk dieksport ke pasaran luar negara hari ini, pihak kerajaan belum melihat ada keperluan untuk menubuhkan pejabat-pejabat tetap di luar negara pada peringkat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli jua, the *Brunei National Chamber of Commerce and Industry* adalah satu lagi sumber perniagaan kitani yang boleh dihubungi memandangkan mereka menghadiri beberapa anjuran *conference* dan dialog perniagaan di dalam dan luar

negara. Dalam hal ini, kaola menyeru agar peniaga-peniaga tempatan akan terus menghubungi badan perniagaan dan industri berkenaan untuk mendapatkan bantuan dan makluman lanjut mengenainya.

Selain itu, perniagaan-perniagaan jua diseru untuk lebih inovatif dan bijak untuk mengakses mendapatkan maklumat mengenai trend melalui bahan penyelidikan yang banyak tersedia di internet atau mengguna pakai platform *Artificial Intelligence* seperti *ChatGPT*, *DeepSeek* dan sebagainya untuk membuat analisis data pasaran secara *real time*.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketujuh iaitu dari Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman atas soalan berkenaan dengan tatacara mengawal dan memelihara flora dan fauna dan tindakan

undang-undang yang telah diambil terhadap kesalahan flora dan fauna.

Dalam mengawal dan memelihara flora dan fauna, kementerian ini telah melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Hutan Penggal 46 bagi mengawal selia aktiviti pengambilan hasil hutan sebagai langkah strategik bagi memastikan sumber biodiversiti negara ini terus terpelihara dan diurus secara mampan.

Sebarang pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang yang berat. Manakala Akta Perlindungan Binatang Liar Penggal 102, mengawal selia aktiviti pemburuan, pemilikan serta perdagangan spesis hidupan liar yang dilindungi.

Pengawalan flora dan fauna ini melibatkan kerjasama beberapa agensi termasuk pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei secara bersepadu.

Dari segi kawalan perdagangan flora dan fauna pula, Jabatan Perhutanan juga menguatkuasakan peraturan di bawah *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* melalui Perintah Flora dan Fauna Liar 2007.

Bagi kesalahan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran, Jabatan Perhutanan, tindakan undang-undang akan dikenakan seperti berikut, kompaun tidak melebihi \$1000, bagi pengambilan atau

memiliki hasil hutan tanpa kebenaran Jabatan Perhutanan. Denda tidak melebihi \$500 ribu atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali bagi hukuman bagi kesalahan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran di dalam hutan simpan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kelapan, iaitu dari Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekali lagi kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee atas soalan berkenaan dengan memberi maklumat jelas mengenai tatacara di masjid, adab dan waktu lawatan serta pemasangan papan tanda di masjid bagi membantu pelawat-pelawat.

Berkenaan dengan maklumat mengenai waktu lawatan ke masjid-masjid, iaitu Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan juga Masjid Omar 'Ali Saifuddin, pihak kementerian telah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyediakan jadual waktu lawatan dan juga adab dan peraturan semasa membuat lawatan di masjid.

Perkhidmatan jurupandu, *guide* juga telah disediakan oleh pihak masjid-masjid tersebut. Untuk mendapatkan perkhidmatan jurupandu, *guide* ini, ianya perlulah ditempah secara awal. Untuk memudahkan lagi pelancong-pelancong untuk mengadakan lawatan, agensi-agensi pelancongan juga disarankan supaya menyediakan *guide* sendiri.

Kementerian ini memaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan maklumat mengenai adab dan tatacara di masjid, termasuk senarai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan di laman web jabatan iaitu www.brunetourism.com.

Untuk langkah seterusnya, jabatan juga bercadang untuk menyebarkan maklumat ini melalui *social media* juga bagi maklumat para pelancong sebelum memasuki masjid.

Berkenaan dengan papan tanda di masjid, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang membuat perundingan dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid mengenai perkara ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan yang telah menjawab soalan-soalan secara lisan yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Waktu pertanyaan telah pun tamat dan sekarang kita beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Kenyataan Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi izin bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat Kenyataan Menteri. Yang Berhormat Menteri adalah diberi masa selama 30 minit untuk menyampaikan Kenyataan Menteri tersebut.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Doa dibaca).* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/kaola/saya hormati, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kebenaran Yang Berhormat Pehin bagi kaola membuat kenyataan berhubung dengan sebahagian daripada soalan-soalan yang telah diajukan dan sekali gus mengongsikan dasar-dasar yang telah dikemas kini termasuklah perkembangan pelaksanaannya.

Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan-soalan, manakala soalan-soalan lain telah dijawab secara bertulis dan akan dijawab secara lisan. Insya Allah.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, sejumlah peruntukan untuk menaik taraf pos-pos kawalan imigresen telah disediakan dan sebanyak 32 kali mesyuarat telah diadakan di sepanjang tahun 2023 dan 2024 bersama dengan Kementerian Pembangunan bagi membincangkan reka bentuk dan juga dengan agensi-agensi kerajaan keselamatan dan penguatkuasaan yang beroperasi di pos-pos kawalan untuk memastikan pengubahsuaian ini dilaksanakan secara bersepadu.

Insya Allah projek ini akan diiklankan untuk proses selanjutnya dan berdasarkan kepada jadual pelaksanaan penaiktarafan Pos Kawalan Sungai Tujoh, Pos Kawalan Labu dan Pos Kawalan Ujung Jalan dijangka siap pada sekitar tahun 2027, manakala Pos Kawalan Kuala Lurah dijangka siap sekitar tahun 2028.

Kaola sukacita menambah bahawa Pos Kawalan Polis yang lama di antara Pos Kawalan Miri dan Pos Kawalan Sungai Tujoh digunakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dari mula Pos Kawalan Sungai Tujoh yang ada pada masa ini beroperasi.

Berkenaan dengan penyelenggaraan dewan kemasyarakatan, 2 daripada 37 dewan tidak dapat dimanfaatkan

sepenuhnya pada ketika ini, iaitu Dewan Serbaguna Labi dan Dewan Serbaguna Kampung Merangking, Daerah Belait.

Untuk makluman Yang Berhormat Pehin dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Serbaguna Mukim Labi ini telah diserahkan atas permintaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada tahun 2019 bagi dibukakan *Expression of Interest, EOI* kepada syarikat yang berminat dari sektor pelancongan, namun tidak ada sambutan dan dewan berkenaan telah diserahkan kembali kepada Jabatan Daerah Belait pada tahun 2021.

Sejak itu Jabatan Daerah Belait telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan seperti membaiki atap, membaiki gelanggang futsal dan pembersihan kawasan dewan, di mana dewan ini sering digunakan oleh penduduk kampung untuk bermain badminton dan sepak takraw.

Dalam hasrat untuk mengoptimalkan penggunaan dewan ini, Jabatan Daerah Belait telah merancang untuk mengengkayuh aktiviti-aktiviti perekonomian seperti pasar tani, penjualan Satu Kampung Satu Produk, 1K1P serta aktiviti kemasyarakatan, kesukanan dan sebagainya yang akan dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Labi.

Manakala Dewan Serbaguna Kampung Merangking yang didermakan oleh pemborong tempatan telah diserahkan kepada Jabatan Daerah Belait pada 18

Mei 1998. Dalam memastikan keselesaan pengguna terutamanya Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta anak-anak buah kampung, beberapa penyelenggaraan telah dibuat seperti pembaikan atap, menembok tanah, membaiki dinding dan sebagainya.

Seperti dewan-dewan yang lain, dewan ini digunakan bagi melaksanakan aktiviti seperti kesukanan, kemasyarakatan dan keugamaan, di samping digunakan sebagai tempat bagi ketua kampung berurusan dengan anak-anak buah kampung, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Alhamdulillah, kesemua dewan kemasyarakatan telah dimanfaatkan secara optima oleh penduduk mukim dan kampung, di mana sepanjang tahun 2022 sehingga 2024, sebanyak 1,692 aktiviti kemasyarakatan telah diadakan dan ini mencerminkan bahawa keputusan kerajaan untuk membina kemudahan ini adalah tepat demi untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat di antara mukim-mukim dan kampung-kampung sekali gus dapat mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya telah melaksanakan penyelenggaraan ke atas infrastruktur-infrastruktur lain. Sebagai contoh, Jabatan Daerah Brunei dan Muara secara berterusan membuat pembaikan dan penyelenggaraan ke atas titian-titian di Kampong Ayer di mana pada tahun

2024, sepanjang lebih 1 kilometer titian jambatan di Mukim Tamoi, Mukim Burong Pingai Ayer, Mukim Peramu, Mukim Saba, Mukim Sungai Kebun, Mukim Kota Batu dan Mukim Mentiri telah diperbaiki dengan tidak hanya melibatkan tenaga kerja jabatan malah dibantu oleh masyarakat tempatan.

Ini menunjukkan kesepakatan dan kesepaduan rakyat dan penduduk di negara ini dalam mendukung apa jua aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih kaola ucapkan kepada mereka yang terlibat, insya-Allah pembaikan titian-titian ini akan diteruskan dengan menggunakan peruntukan yang disediakan. Dalam hubungan itu, pihak kementerian mengalu-alukan sumbangan dari sektor swasta dan orang ramai untuk bekerjasama dalam membantu untuk menyelenggara kemudahan-kemudahan awam.

Kaola sukacita memberi contoh di mana pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah bekerjasama dengan salah sebuah persatuan yang berdaftar di negara ini dan didukung oleh sukarelawan belia dalam membaik pulih titian-titian di Kampong Ayer dan membaik pulih rumah-rumah golongan berkeperluan di seluruh daerah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan mengenai dengan kesejahteraan dan kemaslahatan penduduk, kaola sukacita menjelaskan bahawa salah satu tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim

dan Ketua Kampung iaitu sebagaimana yang digariskan di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di bawah Fasal 3 Perkara 3 iaitu sebagai mata, telinga dan lidah kepada lerajaan dan kepada penduduk kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan kampung.

Manakala, Petunjuk Prestasi Utama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung iaitu di bawah KPI 4, "Peratus Penduduk Mukim/Kampung Yang Dipeduli, Dikelinga, dan Ditangani" adalah untuk memastikan kemaslahatan anak buah kampung khususnya bagi golongan yang berkeperluan terjaga.

Dalam memenuhi tanggungjawab ini, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sudah setentunya menyimpan maklumat anak-anak buah di mukim atau kampung di bawah jagaan masing-masing. Ini termasuklah juga membantu pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menjalankan temuduga awal ke atas pemohon bantuan melalui Sistem Kebajikan Negara, SKN bagi memastikan maklumat-maklumat yang dihadapkan adalah betul.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Buruh, jumlah tenaga kerja asing di negara ini pada tahun 2019 adalah seramai 65,579 orang; 71,511 orang pada tahun 2020; 60,294 orang pada tahun 2021; 65,714 orang pada tahun 2022; dan 75,402

orang pada tahun 2023. Jumlah ini tidak termasuk perkhidmatan persendirian, *domestic helpers* yang mana menurut maklumat daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah dianggarkan berjumlah 13,000 pada tahun 2024. Peningkatan dan pengurangan yang ketara pada tahun 2020 dan 2022 adalah disebabkan oleh kelonggaran sekatan keluar dan masuk ke negara ini susulan dari pandemik *COVID-19*. Peningkatan permintaan tenaga kerja pada tahun 2023 ini mencerminkan pertumbuhan ekonomi negara dari pelbagai sektor dan industri yang berkembang di negara ini.

Berkenaan dengan penglibatan pekerja asing di dalam sektor perniagaan runcit, Banci Majikan dan Pekerja Tahun 2023 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Buruh di mana setakat 1 April 2024, 1,444 syarikat yang didaftarkan sebagai kedai runcit adalah didaftarkan dan dimiliki oleh Warganegara Brunei Darussalam dan sebilangan sahaja didaftarkan bersama dengan rakan kongsi dari kalangan warganegara asing.

Seramai 6,001 pekerja tempatan bekerja dalam sektor perniagaan kedai runcit manakala seramai 8,350 pekerja adalah dari kalangan pekerja asing. Majoriti pekerja tempatan di dalam aktiviti ini bekerja dalam bidang jualan termasuk sebagai penyelia kedai, pembantu kedai, juruwang dan jurujual. Manakala pekerja asing kebanyakannya memegang jawatan sebagai pekerja asas seperti buruh kedai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola sukacita memaklumkan bahawa terdapat dua jenis sistem yang digunakan dalam pengendalian letak kereta, iaitu Kawasan Letak Kereta Terbuka, *On-Street Car Park* dan Kawasan Letak Kereta Berkandang.

Pada masa ini, sebanyak dua belas kawasan letak kereta terbuka; dan tiga belas kawasan letak kereta berkandang menggunakan *automatic barrier system*, tekan, tiket dan masuk. Insya-Allah, kaedah operasi penswastan ini akan dilaratkan di kawasan letak kereta yang masih dikendalikan oleh Jabatan-Jabatan Bandaran.

Menyentuh mengenai Petunjuk Prestasi Perancangan Strategik Bandaran, Bandar Seri Begawan, setakat ini pencapaian Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan sejak diluluskan dalam tahun 2011, hanya 18.7% iaitu 14 projek daripada 75 projek yang telah dilaksanakan seperti rancangan di dalam Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan; dan 21.3% iaitu 16 buah projek adalah tidak selaras dengan perancangan pelan induk yang disediakan yang mana tapak-tapak tanah yang dikenal pasti telahpun dimajukan dengan kemajuan lain.

Sebagai contoh, perancangan pelan induk untuk menapakkan *Water Transport Terminal* di *Airport Hub* telah dimajukan sebagai Stesen Janakuasa Elektrik. Manakala, tapak-tapak tanah yang lain yang telah dikenal pasti tidak

dapat dilaksanakan atas sebab tanah milik persendirian.

Dari itu, selaras dengan aspirasi 2 dari Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tahun 2023-2027, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan pada masa ini memfokuskan kepada memperkasa pembangunan komuniti iaitu dengan menyediakan fasiliti yang kondusif bagi peniaga mikro, kecil dan sederhana, PMKS seperti penaiktarafan Tamu Selera, Bandar Seri Begawan bagi keselesaan peniaga dan kunjungan orang ramai; penyediaan kiosk di Jalan *Residency*; dan melantik Pengurus Acara bagi menyelaras dan mengurus peniaga-peniaga tempatan untuk berjaja setiap minggu di kawasan pusat Bandar Seri Begawan.

Dalam memperkasa pembangunan komuniti dan penyediaan fasiliti bagi peniaga di negara ini, kementerian tidak hanya memfokuskan kepada para peniaga yang bergiat aktif malah juga memberikan peluang memperkasa keupayaan golongan yang terpinggir seperti para banduan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara telah memperkenalkan Produk Insaf iaitu produk hasil kerja tangan banduan-banduan seperti meja seterika, meja kopi, rehal, meja serbaguna serta hasil seni kreatif termasuklah khat tulisan jawi melalui ekspo-ekspo dan pameran-pameran iaitu sebagai usaha untuk menjadikan banduan sebagai insan yang berguna, mempunyai jati diri yang

positif, bertanggungjawab, berdisiplin serta mampu untuk berdiri sendiri setelah mereka dibebaskan nanti.

Selain kemahiran vokasional, para banduan juga mengikuti Program Pengukuhan Jati Diri iaitu dari aspek keagamaan dan kerohanian dengan menghayati dan mengamalkan bacaan Al-Quran dan hafazan serta amalan berzikir. Program Hafazan Al-Quran yang telah diperkenalkan sejak tahun 2014 telah mendapat sokongan dari Yayasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu dari segi pembiayaan elaun tenaga pengajar.

Alhamdulillah seramai 26 orang banduan telah berjaya menghafaz beberapa juz dalam Al-Quran dan 4 orang bekas banduan yang berdaftar sebagai Rakan Seliaan masih meneruskan pembelajaran hafazan mereka di bawah pengawasan Unit Reintegrasi, Jabatan Penjara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sukacita mengongsikan di Dewan Yang Mulia ini, dalam usaha untuk mendukung industri pelancongan, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan aturan pengecualian visa dengan sebanyak 67 buah negara yang mana melalui aturan pengecualian visa ini, warganegara dari negara-negara berkenaan boleh masuk dan tinggal di negara ini bagi tempoh di antara 14 hari hingga 90 hari.

Selain kemudahan pengecualian visa, sebanyak 6 buah negara asing juga telah

diberikan kemudahan *Visa on Arrival* semasa tiba di Negara Brunei Darussalam.

Perjanjian pengecualian visa ini bukan sahaja memudahkan perjalanan malah sebagai pemangkin kepada perkembangan industri pelancongan di negara ini yang kaya dengan warisan budaya, tempat-tempat bersejarah serta destinasi yang menarik sekali gus memberi impak, memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara dengan menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor yang berkaitan dengan pelancongan dan sektor-sektor yang berkaitan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, pada tahun 2024, seramai 1,328 orang telah mendapat limpah Kurnia Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat baginda sepertimana jua yang telah diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kerakyatan Brunei Penggal 15 yang mana majlis penyampaian sijil Taraf Kerakyatan kali ke-40 dan ke-41 masing-masing telah diadakan pada April dan Disember 2024.

Dalam pada itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Lembaga Bahasa telah giat mengadakan ujian Bahasa Melayu bertulis dan lisan bagi calon-calon yang telah mencukupi syarat-syarat kelayakan di bawah Bab 5(1) dan 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei. Ujian Bahasa Melayu

bertulis kali ke-41 dan ke-42 telah diadakan pada bulan Januari dan Oktober dengan kehadiran seramai 1,524 orang. Manakala, ujian lisan telah diadakan sebanyak 2 kali pada bulan Mei hingga Jun 2024 dan bulan September hingga Oktober 2024 dengan kehadiran seramai 165 calon.

Ini jelas mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kesejahteraan rakyat dan membuktikan betapa baginda sentiasa memastikan setiap penduduk yang berhak dan layak untuk dianugerahkan sebagai Warganegara Brunei Darussalam.

Dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat semakan semula ke atas Kurikulum Kertas Ujian Bertulis Bahasa Melayu yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2004. Kurikulum edisi 2024 ini adalah sebagai bahan rujukan kepada calon yang akan menduduki ujian Bahasa Melayu dan calon yang akan menduduki ujian Lisan Bahasa Melayu.

Rasional semakan adalah bagi menyejajarkan isi kandungan Kurikulum Kertas Ujian Bahasa Melayu dengan tujuan sebenar ujian bertulis Bahasa Melayu dan ujian lisan Bahasa Melayu, supaya ianya menjadi alat pengukuran yang sahih dan konsisten, selaras dengan fungsi dan tujuan sebenar ia diadakan.

Berkenaan dengan permohonan Permit Masuk atau permohonan bagi mendapatkan status Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, daripada tahun 2020 sehingga 1 Mac 2025, seramai 2,151 pemohon telah diperkenankan untuk menjadi Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

Dari jumlah ini, sebanyak 1,241 pemohon adalah terdiri daripada penduduk berstatus *stateless*, manakala 910 pemohon terdiri daripada warganegara asing di bawah kategori isteri atau suami dan anak atau anak angkat kepada Warganegara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam iaitu *PR Stateless*. Pihak kementerian akan terus komited dalam memastikan semua permohonan diproses dengan telus sebagaimana peraturan yang berjalan pada masa ini.

Di dalam pada itu, garis panduan dan syarat-syarat kelayakan bagi kategori pemohon untuk mendapatkan taraf Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam juga telah dibuat penambahbaikan dan pengemaskinian, dan mula dilaksanakan pada 31 Disember 2024. Ini adalah salah satu usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menjaga dan memeduli hal ehwal kebajikan, kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dan penduduk negara ini.

Sekianlah kenyataan kaola dan kaola sudahi Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas kenyataan yang komprehensif yang telah dikemukakan.

Sekarang kita beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan. Perbahasan peringkat Dasar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan dalam perbahasan peringkat Dasar.

Saya sekali lagi ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik bahawa fokus perbahasan adalah kepada dasar serta kenyataan belanjawan dan had masa adalah 15 minit setiap orang.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, dikesempatan ini kaola sukacita mengucapkan selamat berpuasa Ramadan, bulan yang penuh kemuliaan dan keberkatan. Semoga amal baik yang dilaksanakan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, di atas pembentangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang bertemakan "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, secara peribadi kaola melihat panduan ini memberikan kesan yang positif kepada kemajuan negara. Ini adalah dorongan oleh usaha-usaha dan inisiatif kerajaan di dalam melaksanakan langkah-langkah strategik bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Antara pencapaian ekonomi yang mencatatkan \$4.9 bilion lebihan dagangan negara, *trade surplus* tahun 2024 dengan kenaikan sebanyak 18.1%. Perkembangan KDNK juga melonjak sebanyak 4.2% antara kenaikan tertinggi sejak tahun 1999.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga menyambut baik dengan usaha kerajaan

untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan rakan kongsi antarabangsa. Ini termasuklah akses kepada pasaran baru, peluang pelaburan dan teknologi-teknologi terkini. Usaha ini adalah perlu bagi mewujudkan rangkaian ekonomi dengan negara-negara dagang yang boleh diraih oleh negara dan para perniagaan tempatan. Oleh itu, sebarang penggunaan teknologi terkini di dalam urusan perniagaan sama ada di pasar domestik dan antarabangsa perlu dikembangkan sebagai platform e-Dagang yang komprehensif seperti mana yang dipraktikkan oleh negara-negara yang lain.

Selain pada itu, dasar-dasar peraturan perbankan juga perlu melihat kepada membantu para peniaga tempatan untuk terus mengembangkan perhatian mereka. Ini termasuklah keyakinan pengguna menggunakan teknologi terkini melalui aplikasi-aplikasi yang disediakan oleh pihak institusi kewangan. Keterjaminan dari segi keselamatan kewangan dan urus niaga perlu dipantau, agar isu-isu seperti duit hilang dalam akaun tidak berlaku.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penubuhan *National Digital Payment Network Sdn Bhd, NDPX* sebagai hab pembayaran *digital platform* bagi mengendalikan sistem pembayaran yang pantas adalah langkah terbaik ke arah menggerakkan aktiviti perniagaan secara atas talian. Namun pada itu, kaola mengharapkan agar perkhidmatan ini nanti tidak

mengenakan caj yang tinggi kepada para peniaga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dalam usaha mengukuhkan sekuriti makanan negara, kaola juga menyambut baik penanam padi baru seluas 74 hektar yang mampu menghasilkan padi sepanjang musim penanaman sebanyak 289 metrik tan padi. Yang mana penggunaan baja organik dan kompos telah menunjukkan peningkatan satu metrik tan per hektar berbanding musim yang sebelumnya. Ini memberi gambaran bahawa teknologi bio bukanlah hanya memberi kebaikan kepada proaktiviti malah ianya lebih selamat digunakan.

Langkah kerajaan bagi menyokong keperluan perniagaan dalam sektor pertanian dengan menyediakan 70 Kawasan Kemajuan Pertanian, KKP, membuka jalan ke arah kemajuan sektor pertanian tempatan untuk dapat dimanfaatkan sebaik-baik oleh anak tempatan.

Akhirnya, kaola menaruh harapan agar belanjawan ini memberikan kesan positif kepada kemajuan negara serta kesejahteraan rakyat dan untuk itu kaola untuk menyokong belanjawan ini. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, di atas Pembentangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang bertemakan "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur". Yang mana menurut kaola belanjawan ini mempunyai tiga matlamat utama untuk direalisasikan. Matlamat ini sejajar dengan Wawasan Brunei ke arah negara maju tahun 2035 yang hanya tinggal 10 tahun untuk dicapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha ke arah mempelbagaikan hasil negara, langkah berjaga-jaga kerajaan untuk mendapatkan sumber pendapatan yang lain adalah perlu, selain daripada kebergantungan sepenuhnya kepada hasil minyak dan gas yang terdedah kepada ketidaktentuan harga di pasaran global. Kedudukan fiskal kerajaan pada Tahun Kewangan 2023/2024 menunjukkan negara masih mengalami defisit \$3.09 bilion yang mana perbelanjaan lebih tinggi daripada hasil yang diperolehi.

Apabila kita merujuk kepada pecahan hasil sektor bukan minyak dan gas, pendapatan kewangan berjumlah \$102.2 juta, hasil yuran dan caj \$236.1 juta,

kutipan duti import dan eksais pula \$103.7 juta, pendapatan sewa dan komersial dari jualan barang dan perkhidmatan sebanyak \$99.4 juta dan kutipan hasil tertinggi dari cukai-cukai sebanyak \$224.17 juta. Dalam hal ini, pihak kerajaan hendaklah komited di dalam mengemaskinikan dasar-dasar bayaran cukai mengikut kesesuaian semasa dengan tidak membebankan rakyat. Perkara ini adalah wajar bagi mengimbangi perbelanjaan Kerajaan yang sentiasa meningkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh dengan berkenaan dengan inisiatif kerajaan melalui Rancangan Kemajuan Negara, RKN, memberikan tumpuan kepada memenuhi keperluan harian rakyat dan memacu kepada pertumbuhan sosial ekonomi negara. Pembangunan infrastruktur asas menjadi keutamaan iaitu jalan raya, bekalan air bersih, tenaga dan kemudahan awam. Dalam pada itu, langkah-langkah ke arah membina atau menaik taraf jalan-jalan raya di kawasan-kawasan pedalaman adalah penting bagi memastikan kawasan-kawasan ini mudah diakses oleh orang ramai. Dengan ini, ianya tidak secara langsung mendorong kepada aktiviti kemajuan sosial ekonomi kepada penduduk setempat dan seperti pelancongan.

Selain daripada itu, kaola menyambut baik Program Pembangunan Tenaga Kerja, Program Perintisan *The INSPIRE* iaitu program latihan 8 bulan, 2 bulan bagi latihan pensijilan dan 6 bulan bagi

on-the-job-training, yang mana kohort pertama seramai 30 orang anak tempatan telah mendapat manfaatnya.

Peringkat jumlah tenaga kerja tempatan di bawah kumpulan Syarikat *Darussalam Asset Sdn Bhd, DA*, adalah satu petanda baik di dalam pembangunan modal insan dikalangan kanak-kanak tempatan. Kaola mengharapkan agar data dan statistik berkenaan dengan pencapaian yang sama di syarikat-syarikat swasta yang lain selain Darussalam Asset dan Syarikat *Hengyi Industry* juga dapat direkodkan sebagai petunjuk aras kepada kecemerlangan tenaga kerja tempatan. Akhirnya kaola mengharapkan agar belanjawan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan Negara Brunei Darussalam. Sekian Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Muhammad Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di atas pembentangan negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026

dengan jumlah \$6.4 bilion yang bertemakan 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' yang mana sasaran utama perbelanjaan ini adalah ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kini tinggal 10 tahun lagi untuk kita mencapai wawasan tersebut, kecemerlangan tahun lepas dan tahun-tahun kebelakangan adalah merupakan pengalaman dan panduan ke arah mencapai sesuatu yang lebih baik dan cemerlang. Kita perlu belajar dan peka dengan kemajuan semasa yang bergerak pantas. Kerajaan bukan sahaja diukur daripada data-data yang memberikan gambaran tentang kedudukan *ranking* atau peratus kenaikan keuntungan negara sama ada di dalam pendidikan, ekonomi dan seumpamanya.

Malahan perlu melihat dari segi kerap kerja tadbir urus dan tata Kelola di dalam mau kerajaan mahupun swasta. Kerana ini berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu matlamat dan wawasan. Sikap jujur, disiplin dan amanah perlu diterapkan di dalam jentera kerajaan agar ketirisan tugas dan pembelanjaan dapat diatasi. Perkara ini penting kerana setiap sen wang kerajaan yang digunakan hendaklah dapat dinikmati dan memberi kesan secara optimum.

Selain daripada itu, kaola menyarankan agar kaedah pendekatan memilih harga terendah di dalam sesuatu tawaran, hendaklah diteliti kerana ianya bukanlah

satu pendekatan yang terbaik secara cara menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Prioriti dan produktiviti juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap projek dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak swasta hendaklah bermutu tinggi serta tidak membebankan. Ini merupakan strategi timbal balik yang memberikan kesan positif kepada kemajuan negara khususnya di dalam pertembungan ekonomi pihak swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam usaha bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan terutama sekali di dalam menangani isu bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh. Kaola sukacita mengharapkan agar peruntukan yang mencukupi wajar disediakan untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan tahap aset-aset pihak yang berkenaan.

Sudah tiba masanya kita melihat dan meneliti potensi jentera moden yang lebih efisien digunakan pada, digunakan pakai di dalam kerja-kerja pemeliharaan seperti membersihkan longkang-longkang, memotong pokok kayu, memotong rumput dan seumpamanya. Kejadian banjir kilat sememangnya sering terjadi di mana-mana, yang mengakibatkan kerosakan harta benda dan menjejaskan aktiviti seharian.

Apa yang sering berlaku apabila berlaku banjir kilat, tindakan awal kerja-kerja pembersihan longkang perlu dilaksanakan. Budaya kerja baru

bertindak bukanlah sesuatu rangka kerja kemas malahan ia juga merugikan orang ramai. Kaola mengharapkan agar setiap pihak yang terlibat hendaklah merangka pelan-pelan strategik di dalam menangani isu bencana alam dengan menyediakan peruntukan yang sesuai ke arah transformasi kerja yang lebih bersistematik.

Dalam pada itu, kaola menyambut baik inisiatif kerajaan ke arah menangani bencana alam dengan memperkenalkan projek mitigasi dengan peruntukan sejumlah \$25 juta bagi meningkatkan sistem saliran dan membina infrastruktur kawalan banjir.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dalam fokus kedua belanjawan memupukkan pelbagai ekonomi yang mampan, kaola menyambut baik usaha-usaha kerajaan ke arah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak swasta. Ini termasuklah melalui syarikat-syarikat pemprosesan dan kilang makanan. Dengan pencapaian ini, kaola berharap Brunei Darussalam akan menjadi pilihan utama pengeluaran utama makanan halal terbaik.

Selain daripada itu, usaha-usaha bagi mengurangkan jurang di antara sektor kerajaan dan swasta serta memahami cabaran perniagaan melalui langkah-langkah strategik seperti sesi dialog oleh BEDB pada 12 Disember 2024 yang diwakili oleh 26 wakil dari sektor swasta di kalangan komuniti peniaga Daerah Belait adalah perlu diteruskan bersama ahli-ahli perniagaan tempatan di daerah-

daerah lain. Langkah ini merupakan satu yang, cara yang terbaik bagi memastikan projek-projek dan program-program yang dirancang mendapat manfaat kepada golongan sasaran.

Ini termasuk mengenal pasti isu-isu permasalahan dan perniagaan dan keperluan prasarana, pasti isu-isu masalah dalam perniagaan dan keperluan prasarana ekosistem perniagaan yang inklusif seperti isu memilih tapak-tapak perniagaan untuk perniagaan bumiputera yang lebih sesuai dan strategik untuk dikunjungi oleh orang ramai. Di dalam skop pembangunan infrastruktur asas melalui pembelanjaan berulang-ulang kerajaan memperuntukkan sejumlah \$153 juta. Dengan peruntukan yang disediakan ini, kaola mengharapkan agar rakyat akan sentiasa menerima kemudahan asas yang mencukupi dan sempurna, isu gangguan bekalan elektrik dapat dikurangkan, sumber air bersih terus dinikmati untuk keperluan harian dan kualiti jalan raya sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar sentiasa berada di tahap yang selamat dan baik.

Akhirnya, kaola menyambut baik belanjawan perbelanjaan ini dan memohon untuk menyokong. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola sukacita mengucapkan selamat berpuasa di bulan Ramadan dan semoga amal ibadah kitani semua diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua insya-Allah, Amin.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Muhammad Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di atas pembentangan belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 pada hari Sabtu yang lepas. Kaola menyambut baik belanjawan ini kerana ianya memberi tumpuan kepada objektif negara ke arah negara maju 2035 yang membawa tema "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur."

Sepertimana yang kita sedia maklum, ada tiga matlamat utama ke arah mendukung kejayaan Wawasan Brunei 2035, pertama, Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya; kedua, Kualiti Kehidupan yang Tinggi; dan ketiga, Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Di manakah kedudukan tahap pencapaian kita sekarang? Masa hanya berbaki 10 tahun lagi untuk kita sama-sama memenuhi wawasan tersebut. Kaola menyentuh berkenaan dengan

matlamat pertama, 'Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya'. Berdasarkan statistik prestasi institusi pendidikan tinggi negara, telah mendapat pengiktirafan di peringkat global. Pengiktirafan ini membuka banyak peluang kepada pelajar-pelajar luar negara untuk memilih Brunei Darussalam bagi melanjutkan pelajaran mereka. Namun pa da itu, kaola berharap agar satu hari nanti negara kita menjadi pusat pendidikan terbaik serantau dengan menyediakan lebih banyak institusi-institusi pendidikan tinggi, bukan hanya dalam kalangan institusi kerajaan tetapi juga dikendalikan oleh pihak swasta. Perkara ini penting bagi memberi banyak peluang kepada anak-anak tempatan memilih tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam negara sendiri.

Bagi merealisasikan, kaola berpendapat dasar pendidikan negara hendaklah dikemaskinikan mengikut keperluan semasa. Ini termasuklah syarat-syarat permohonan Skim Bantuan atau Pinjaman Pendidikan yang sedia ada. Pengiktirafan kelulusan dari institusi swasta bagi mendapatkan sebarang pekerjaan. Selain itu, memperluaskan jalinan kerjasama institusi kerajaan dan swasta melalui program-program khusus yang lebih sesuai bagi memenuhi kehendak semua golongan. Selain daripada itu, penglibatan dan penyertaan penuntut tempatan di dalam pertandingan serantau dan antarabangsa di dalam suatu pertandingan dan pencapaian pendidikan atau kemahiran inovasi, hendaklah dipergiatkan bagi

mengenal pasti tahap pencapaian anak-anak tempatan di peringkat global.

Di dalam memperkatakan soal 'Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan', kaola menyambut baik dan usaha kerajaan di dalam memperkenalkan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, skiPPA, yang mana seramai 794 perantis sedang menjalani program di kementerian dan jabatan kerajaan. Melalui skim ini, kaola mengharapkan ianya dapat melahirkan pegawai-pegawai dalam kalangan perkhidmatan awam yang terlatih, berwibawa, berintegriti dan mempunyai budi bicara yang tinggi terutama sekali di dalam membuat sebarang keputusan dan apabila menghadapi kerenah orang ramai. Perkara ini penting bagi menjaga nama baik, reputasi dan kewibawaan pihak kerajaan. Kaola mengharapkan agar skim yang sama dapat diperluaskan dengan mewujudkan satu skim kepimpinan akar umbi yang memberi pendedahan kepada tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai usaha ke arah melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkemahiran, berpengalaman dalam kalangan graduan yang terdiri daripada belia-belia.

Kaola tertarik bagi menyentuh berkenaan dengan pecahan hasil sektor bukan minyak dan gas yang berjumlah yang berjumlah \$102.2 juta pendapatan kewangan negara. Antara yang menyumbang adalah dari hasil pendapatan sewa dan komersial dari jualan barang dan perkhidmatan yang menyumbang sebanyak \$99.4 juta. Kaola

menyuarakan berkenaan dengan bangunan-bangunan kerajaan yang disewa untuk kegunaan orang ramai dengan kadar sewa yang terlalu rendah. Ini termasuklah dewan-dewan kerajaan yang disewa bagi majlis perkahwinan. Memandangkan permintaan yang tinggi, ada baiknya bangunan-bangunan ini dinaik taraf mengikut perubahan semasa dengan dilengkapi kelengkapan yang baru yang serba canggih serta setanding dengan dewan-dewan yang lain di pasaran. Ini termasuklah prasarana-prasarana lain seperti gelanggang sukan, gerai-gerai dan tapak perniagaan. Dengan ini, pihak kerajaan dapat mengemaskinikan kadar sewa yang lebih sesuai ke arah menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan.

Berkenaan dengan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, RKN12, kaola menyambut baik usaha dan inisiatif kerajaan ke arah kelestarian alam semula jadi dengan melaksanakan Konsep Bangunan Hijau dengan Harga Rancangan \$51.6 juta. Ini termasuklah projek-projek pemasangan panel solar di 38 buah bumbung bangunan kerajaan. Kaola melihat, ini adalah merupakan inisiatif yang perlu diteruskan dan diperluaskan skop perlaksanaannya dengan mewujudkan pelan transformasi *National Go-Green* yang dilaksanakan secara peringkat-peringkat. Ini termasuklah menaik taraf penggunaan tenaga konvensional ke tenaga solar di tempat-tempat awam, seperti tandas awam dan perhentian bas.

Akhirnya, dengan jumlah peruntukan sebanyak \$6.35 bilion yang disediakan

bagi Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026, kaola berharap ingin dapat dimanfaatkan sejajar dengan tujuan dan matlamat negara. Insha-Allah.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*) Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, sahabat-sahabat Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu kaola juga sukacita ingin mengucapkan selamat berpuasa. Semoga di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, katani diberi diberikan limpah rahmat serta ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Alhamdulillah di sini di Dewan yang mulia ini, kaola juga tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II di atas Pembentangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang bertemakan 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' berjumlah \$6.35 bilion.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan di atas pencapaian di dalam menggerakkan agenda kemajuan negara. Ini termasuklah kejayaan di atas pertumbuhan ekonomi negara yang menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2%, peningkatan tertinggi sejak tahun 1999. Selain daripada itu, pencapaian-pencapaian lain yang memberangsangkan di dalam pendidikan, kesihatan dan *standard of living* Brunei Darussalam di dalam *ranking* global adalah menepati matlamat wawasan negara ke arah negara maju 2035.

Selain daripada itu, inti pati belanjawan juga merangkumi usaha-usaha dan langkah-langkah strategik kerajaan di dalam menghadapi sebarang cabaran seperti kepesatan teknologi maklumat terkini. Peningkatan ancaman siber yang mencabar, isu-isu berkaitan dengan perubahan iklim, pencemaran alam sekitar dan perubahan sosial dan demokrasi yang ketara.

Yang Berhormat Pehin dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Antaranya usaha ke arah kelestarian alam sekitar di sektor pendidikan melalui pelan pendidikan yang mendukung kepada kelestarian alam sekitar. Ini adalah antara langkah

bijak kerajaan ke arah memupuk kesedaran mengenai alam sekitar bermula dari penuntut-penuntut sekolah. Ini merupakan pelaburan penting bagi menangani isu-isu alam sekitar.

Kaola juga menyambut baik inisiatif kerajaan di dalam menangani bencana alam dengan memperkenalkan projek mitigasi yang menelan peruntukan sebanyak \$25 juta. Langkah ini adalah sejajar dengan keadaan cuaca yang tidak menentu akhir-akhir ini.

Di dalam projek-projek di dalam Rancangan Kemajuan Negara, RKN yang memberi tumpuan kepada 4 fokus utama iaitu mendukung kestabilan sosioekonomi negara, kesejahteraan rakyat dan penduduk, meningkatkan kemahiran serta mencipta peluang-peluang pekerjaan atau aktiviti-aktiviti ekonomi baru dan akhir sekali ke arah meningkatkan pembangunan teknologi digital.

Sehubungan dengan ini, kaola mengharapkan agar Daerah Temburong mendapat limpah daripada projek-projek RKN yang dirancang dan mahu pun yang akan dilaksanakan nanti. Ini termasuklah pembinaan rumah-rumah Skim Perumahan Negara yang baharu, perluasan penerima-penerima *internet*, kemudahan sukan dan sistem jalan raya yang baik di kawasan-kawasan terpencil. Dengan ini harapan untuk meramaikan Daerah Temburong insha Allah akan dicapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhir kalam, kaola

penuh berharap agar belanjawan ini mencapai misi dan matlamat yang dihasratkan dan kaola memohon untuk menyokong.

Sekian Wabillahi taufik walhidayah
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selama 15 minit dan kita akan menyambung semula mesyuarat ini sebentar nanti.

(Majlis Mesyuarat berehat)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis sekarang bersidang semula. Kita akan beralih pula kepada ulasan menteri dalam Perbahasan Peringkat Dasar ini. Saya ingin mengingatkan bahawa Yang Berhormat Menteri-Menteri diberikan had masa selama 30 minit. Yang Berhormat Menteri juga boleh memberi ulasan tambahan secara bertulis sekiranya perlu. Dengan itu saya sekarang mempersilakan untuk memulakannya. Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum

warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah yang peramba, kaola, saya hormati. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik di atas perkara-perkara dasar yang dibangkitkan berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaola ingin merujuk kepada perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu berkaitan dengan pengemaskinian dan penambahbaikan ekosistem perniagaan sebagai pemangkin kepada usaha menarik lebih banyak Pelabur Langsung Asing, *FDI* baru ke negara ini. Kaola sukacita mengongsikan di Dewan yang mulia ini bahawa pelaksanaan dasar pemberian *Long Term Pass*, *LTP* bermula pada 31hb Disember 2024. *Long-Term Pass* ini diperkenalkan bagi memudahkan warga asing yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam serta golongan pelabur dan profesional yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara untuk diberikan tempoh tinggal sehingga 5 tahun termasuk *Multiple Re-Entry Visa* secara berterusan seperti berikut:

Pertama, Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang diberikan kepada warga asing yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam tetapi masih

belum memenuhi syarat untuk memohon status penduduk tetap;

Kedua, Pas Lawatan Berniaga Jangka Panjang adalah dikhususkan kepada pemilik syarikat dan pelabur asing yang memenuhi kriteria tertentu termasuk menyumbang kepada ekonomi negara melalui peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan pematuhan cukai;

Ketiga, Pas Lawatan Profesional Jangka Panjang akan diberikan kepada pakar dan profesional asing dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh negara dan dinilai berdasarkan kepentingan dan kekurangan tenaga pakar dalam sektor berkenaan serta sokongan daripada agensi kawal selia yang berkaitan. *Long-Term Pass* tidak akan diberikan kepada sektor runcit, restoran, dobi dan salon serta syarikat yang bukan terdiri daripada SDN BHD. Pemegang pas boleh dikenakan tindakan pembatalan atau penamatan jika didapati melanggar undang-undang atau tidak memberikan impak positif kepada negara.

Dengan adanya kemudahan ini kerajaan berhasrat untuk memastikan Negara Brunei Darussalam terus menjadi destinasi yang kondusif bagi pelaburan, pembangunan profesional serta pengukuhan institusi keluarga sekali gus menyumbang kepada usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Dalam hal ini juga seperti mana yang pernah kaola kongsi di dalam Mukadimah semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 bahawa

dasar had umur juga telah dikemas kini khusus bagi 2 kategori iaitu jawatan yang memerlukan kelulusan yang bertauliah tinggi atau khusus termasuk jawatan-jawatan dalam kategori pemilik syarikat dan jawatan teknikal *specialist* atau *professional* di mana Jabatan Buruh masih saja boleh memberikan kebenaran bagi penyambungan lesen pekerja asing walaupun mereka yang berkenaan sudah mencapai had umur yang ditetapkan iaitu 60 atau 65 tahun.

Walau bagaimanapun, kebenaran ini diberikan dengan berasaskan kepada penilaian yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dengan memenuhi kriteria-kriteria antaranya seperti memfail cukai korporat, peluang-peluang pekerjaan yang diberikan kepada anak-anak tempatan, perniagaan yang memberikan nilai tambah kepada perkembangan ekonomi dan menjana ekosistem yang pro-perniagaan dalam memajukan bagi ekonomi negara. Melalui dasar had umur ini ianya tidak akan menjejaskan operasi syarikat berkenaan dan memberikan peluang kepada Jabatan Buruh dalam membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan adanya peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan dari aspek *succession planning* dan *knowledge transfer*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola kongsikan bahawa berdasarkan dapatan awal yang dilaksanakan oleh Jabatan Buruh pada 1hb April 2024, sektor yang mempunyai jumlah pekerja asing yang

tertinggi berbanding pekerja tempatan adalah sektor pembinaan iaitu seramai 21,519 orang iaitu 83%, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan seramai 3,521 orang iaitu 75%, aktiviti penyediaan tempat tinggal dan perkhidmatan pemakanan seramai 11,361 orang iaitu 63%, sektor pembuatan seramai 7,929 orang iaitu 63% dan sektor perdagangan, borong dan runcit, pembaikan kenderaan dan motosikal seramai 14,908 orang iaitu 55%.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah meratifikasi beberapa konvensyen asas Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *ILO* antara lainnya *Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention 2006 (No. 187)* semasa Persidangan Buruh Antarabangsa ke-112 pada tahun 2024 yang mana mencerminkan komitmen negara dalam mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu *Occupational Safety and Health* dan memastikan akses kepada perlindungan sosial yang mencukupi. Dalam hubungan ini, Jabatan Buruh telah mengemas kini pelaksanaan dasar insurans perubatan pekerja imigran yang bertujuan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan pekerja secara keseluruhan.

Dasar insurans perubatan pekerja imigran akan dilaksanakan secara berfasa. Yang mana fasa pertama akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 bagi pemegang pas kerja kategori

perkhidmatan domestik, pemegang pas lawatan yang masuk ke Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan visa lawatan, pemegang pas lawatan profesional dan pas lawatan berniaga dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam iaitu pemegang permit masuk yang berwarganegara asing di bawah kategori warganegara asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan negara dan juga di bawah kategori warganegara asing golongan profesional.

Manakala, fasa kedua bermula pada 1 Januari 2026 bagi pemegang pas kerja kategori syarikat iaitu sektor swasta, pemegang pas tanggungan iaitu isteri dan anak yang tidak bersekolah dan pemegang pas penuntut berwarganegara asing. Dalam usaha untuk membantu pihak kerajaan untuk memastikan perlindungan sosial yang lebih baik kepada pekerja asing dan mengurangkan bebanan kewangan majikan sejajar dengan usaha negara dalam meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja, dasar insurans perubatan telah dikemas kini memfokus kepada peningkatan jumlah perlindungan iaitu *coverage* bagi pekerja asing dengan objektif bagi memastikan semua pekerja asing mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi apabila memerlukan rawatan perubatan di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola juga ingin merujuk kepada perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan kaedah *property tax* bandaran

untuk dikaji semula, kaola mengucapkan terima kasih ke atas Usul berkenaan. Sukacita kaola mengongsikan bahawa pada tahun 2011/2012, 2 kajian berkenaan dengan cukai bangunan telah dibuat oleh pakar penaksiran dari Malaysia yang telah menghasilkan 2 buku panduan iaitu Buku Panduan Proses Tuntutan dan Kutipan Cukai Bangunan dan Buku Panduan Proses Penilaian dan Penaksiran Cukai Bangunan.

Kajian-kajian tersebut menghasilkan 3 kaedah penilaian hartanah yang diguna pakai iaitu kaedah perbandingan, kaedah pendapatan dan kaedah kos yang selaras dengan amalan negara jiran seperti Malaysia dan Singapura. Sehingga penghujung tahun 2024, jumlah tunggakan cukai bangunan adalah sebanyak \$26,592,731.65 juta yang melibatkan sebanyak 5,639 akaun sehingga Disember 2024. Jabatan Bandaran juga telah berjaya mengutip sebanyak \$5,942,486.71 juta. Sebanyak 817 akaun dengan tunggakan sejumlah \$13,179,617.45 juta telah dihadapkan ke Pejabat Peguam Negara untuk tindakan undang-undang yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak 343 akaun telah menerima surat tuntutan iaitu *letter of demand* yang dikeluarkan oleh pihak peguam negara bagi menuntut pembayaran tunggakan.

Untuk meningkatkan keberkesanan dan efisiensi dalam pengurusan cukai, kementerian akan memperkenalkan sistem cukai bangunan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Sistem ini nanti akan memudahkan penyelarasan,

pemantauan dan pembayaran cukai bangunan serta dapat memperbaiki dan mengemas kini proses yang sedia ada. Dengan adanya perkongsian dan pengesahan data dan maklumat yang lebih berstruktur dan dengan pihak-pihak yang berkepentingan, setiap bangunan akan mempunyai nombor akaun rujukan masing-masing berasaskan kepada bangunan yang dikenakan cukai dan pembayaran cukai dan hartanah yang dimiliki.

Sekian yang dapat kaola kongsikan dan kaola sudahi dengan wabillahi tawfik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk kaola pada hari ini untuk memberikan ulasan berkenaan isu pendidikan yang dikongsikan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan dasar pada hari Selasa, 3 Ramadan 1446 bersamaan 4 Mac 2025 dan jua pada hari ini, iaitu 4 Ramadan 1446 bersamaan dengan

5 Mac 2025. Di kesempatan ini, kaola, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas pengamatan yang telah diberikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semalam, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam ada bertanya mengenai kenapa pencapaian menengah 'O' Level tidak dapat diterjemahkan sejajar dengan pencapaian cemerlang di sekolah rendah. Soalan ini adalah satu pengamatan yang sangat baik kerana jawapan kepada soalan ini akan memberikan kita satu perspektif yang mana kita tidak boleh leka dan lalai, sebaliknya kita akan terus berusaha untuk memperbaiki pencapaian pelajar.

Pencapaian literasi dan numerasi pelajar di peringkat rendah adalah meningkat dari tahun ke tahun dan peningkatan ini juga dapat dilihat dalam keputusan *PISA* 2022. *PISA* adalah ujian penilaian antarabangsa yang ditujukan kepada pelajar berumur 15 tahun. Negara Brunei Darussalam telah ikut serta dalam *PISA* mulai tahun 2018. Tetapi sebelum itu, pada tahun 2016, seramai 2,616 pelajar telah menduduki ujian *PISA-Based Test For School* sebagai persediaan awal bagi Negara Brunei Darussalam menduduki *PISA* 2018.

Analisa dari ujian ini telah memberikan satu gambaran mengenai tahap pencapaian pelajar kita. Alhamdulillah, pencapaian pelajar telah meningkat dalam *PISA* 2018 berbanding 2016 dan oleh kerana *PISA* 2018 adalah pertama kali Negara Brunei Darussalam mengikuti

PISA, data tersebut telah menjadi satu penanda aras.

PISA 2022 telah menyaksikan sekali lagi pencapaian pelajar meningkat dengan ketara dan signifikan berbanding *PISA 2018*. Dengan peningkatan sebanyak 12 skor dalam Matematik, 21 skor dalam membaca dan 15 skor dalam Sains. Namun, walaupun pencapaian sudah meningkat, pencapaian pelajar kita masih lagi di bawah purata negara-negara *OECD*, ertinya kita bermula pada paras yang rendah.

Kementerian Pendidikan telah membuat beberapa kajian termasuklah membuat satu *scatterplot* mengenai pencapaian pelajar dalam *PISA 2022* dan peratus pelajar mendapat kredit dalam domain berkaitan. Hasil kajian menunjukkan kolerasi antara pencapaian sekolah dalam *PISA* dan '*O' Level*' adalah sangat lemah. Ini bermaksud seolah-olah sekolah yang berpencapaian tinggi di *PISA* tidak semestinya akan memperolehi peratus pelajar yang ramai mendapat kredit dalam mata pelajaran tersebut.

Walau bagaimanapun, data ini adalah data sekolah dan bukan data individu. Ini menjadikan cabaran kepada kajian ini. Secara logik, pencapaian pelajar sepatutnya adalah seimbang dalam mana-mana jua penilaian seperti jua *PISA* dan '*O' Level*'. Peperiksaan '*O' Level*' menilai prestasi pelajar kita tetapi penilaian *PISA* dapat membantu menilai sistem Pendidikan kita dengan adanya tambahan soal kaji selidik bagi pelajar, sekolah, guru-guru dan ibu bapa. Walau

bagaimanapun kajian ini masih belum *conclusive*. Ini adalah kerana pencapaian kita masih belum menghampiri purata *OECD*. Oleh yang demikian, kita mesti merapatkan jurang pencapaian pelajar terlebih dahulu, sekurang-kurangnya ketahap purata *OECD* barulah kita akan dapat meningkatkan peratus pelajar kita yang berjaya dalam peperiksaan '*O' Level*'.

Dalam hal ini, beberapa usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi pencapaian pelajar. Antaranya adalah:

Pertama, Jabatan Perkembangan kurikulum sedang dalam proses menyemak semula ataupun mereview kurikulum dan membangunkan piawaian standard bagi mata pelajaran teras, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan MIB termasuk Literasi Digital. Usaha ini bertujuan bagi memastikan kurikulum yang berkualiti selaras dengan perkembangan global serta relevan dengan keperluan negara dan piawaian antarabangsa;

Kedua, Jabatan Peperiksaan turut memperkukuh kualiti penilaian pelajar dengan mengadaptasi pendekatan penilaian berasaskan kompetensi ataupun *competency-based assessment* dan penilaian berasaskan kandungan ataupun *content-based assessment*. Langkah ini bertujuan untuk menilai penguasaan pelajar secara lebih holistik khususnya dalam bidang literasi dan numerasi di samping mengukur

kecekapan kemahiran-kemahiran abad ke-21.;

Ketiga, Program-Program Intervensi ataupun *Intervention Programmes*. Pelaksanaan kelas bimbingan dan tambahan bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan dari aspek akademik serta pendedahan kepada teknik menjawab soalan dengan lebih berkesan.;

Keempat, Program Sokongan Pembelajaran ataupun *Learning Support Programmes*. Inisiatif ini bertujuan untuk memberi sokongan fokus kepada pelajar dalam kemahiran asas literasi dan numerasi melalui rangka kerja yang sistematik.;

Kelima, Pemantapan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Tenaga pengajar menerapkan kaedah *Differentiated Teaching and Learning* dengan menyesuaikan pengajaran mengikut keupayaan pelajar. Di samping penggunaan platform digital, pembelajaran interaktif dan kecerdasan buatan, *AI* juga digunakan bagi membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran.;

Keenam, Program-Program Bimbingan dan Kaunseling Akademik. Program ini bertujuan untuk membimbing dan membantu pelajar dalam motivasi, teknik belajar dan pengurusan masa agar mereka lebih bersedia dan yakin menghadapi peperiksaan;

Ketujuh, Program Pembelajaran Membaca *Renaissance*. Melibatkan 4504 pelajar iaitu 2018 pelajar sekolah rendah dan 2008 pelajar sekolah menengah. Pada tahun pertama ianya diperkenalkan, sebanyak 6,847 jam telah diluankan oleh pelajar-pelajar untuk bacaan menggunakan perpustakaan digital '*my own*'.;

Kelapan, Program Pembelajaran Numerasi *Renaissance* melibatkan 883 pelajar iaitu 501 pelajar sekolah rendah dan 331 pelajar sekolah menengah.;

Kesembilan, *Partner Schools Program* merupakan platform bagi beberapa buah sekolah terpilih berkolaborasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan di bawah Kementerian Pendidikan dalam mendapatkan dukungan sesuai dengan keperluan sekolah-sekolah tersebut.;

Reading Program A-Z bagi pelajar Tahun 7 hingga Tahun 11 bertujuan bagi mengukuhkan kompetensi tahap bacaan pelajar dan seterusnya mencapai skor *Lexile* mengikut peringkat persekolahan.;

Program Read Theory adalah program nilai tambah bagi meningkatkan pembacaan pelajar yang telah mencapai skor. Program ini dilaksanakan disemua sekolah menengah terutama bagi pelajar dalam kelas Sains, di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam penggunaan *ICT*.;

Program PEKA, Peningkatan Kemahiran Asas bertujuan bagi membantu pelajar-

pelajar Tahun 7 yang berada dalam *Program Specialised Applied and Pra-Vokasional* meningkatkan kemahiran asas literasi dan numerasi. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti mata pelajaran yang menjurus kepada kemahiran hidup dan persediaan bagi mengikuti kursus-kursus di Pusat Pembangunan Belia, IBTE dan agensi-agensi yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.; dan

Program Pengasramaan iaitu Program Riayah Wa Mahabbah adalah satu program bagi memastikan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang menghadapi cabaran untuk hadir ke sekolah disebabkan pelbagai isu, ditempatkan di asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Ke arah memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, kemahiran guru akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan program-program pembangunan profesional yang berterusan.

Insyallah, Kementerian Pendidikan akan sentiasa komited dan meningkatkan usaha untuk memperkukuh sistem pendidikan negara demi memastikan peningkatan berterusan dalam pencapaian pelajar. Seiring dengan itu, kerjasama padu daripada semua pihak termasuk sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat amatlah diharapkan untuk bersama-sama mencapai matlamat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat

Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, dalam kenyataan Yang Berhormat-Yang Berhormat semalam dan pada hari ini, telah menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan dalam pembangunan modal insan bagi sektor hijau. Terima kasih atas sokongan-sokongan tersebut dan di sini kaola/saya akan memberikan informasi tambahan mengenai usaha ini.

Sebagai langkah proaktif, Kementerian kini dalam proses merangka Pelan Pendidikan Hijau yang memberi tumpuan kepada pelbagai inisiatif utama bagi membudayakan kelestarian dalam sistem pendidikan negara seperti berikut:

Pertama, Pengintegrasian Pendidikan Alam Sekitar dalam Kurikulum. Pendidikan alam sekitar akan diintegrasikan dalam kurikulum di semua peringkat bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman pelajar terhadap isu kelestarian. Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman dan projek akan diterapkan bagi memastikan pelajar memperoleh kefahaman yang lebih mendalam serta kemahiran praktikal berkaitan kelestarian.;

Kedua, Peningkatan Infastruktur Hijau di Institusi Pendidikan. Institusi Pendidikan akan dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi hijau seperti tenaga suria, sistem pengumpulan air hujan dan reka bentuk bangunan cekap tenaga secara berfasa. Langkah ini bukan sahaja mengurangkan jejak

karbon tetapi juga berperanan sebagai platform pembelajaran langsung kepada pelajar mengenai teknologi mampan.;

Ketiga, Operasi Sekolah dan Institusi Pendidikan yang Mesra Alam. Institusi pendidikan akan melaksanakan operasi hijau melalui dasar kitar semula, pengurangan plastik sekali guna dan konsep *Zero Waste*. Langkah penjimatan tenaga dan air seperti penggunaan lampu cekap tenaga, sensor automatik serta sistem pengumpulan air hujan akan diperkenalkan. Sekolah juga digalakkan menerapkan konsep kampus hijau dengan taman pembelajaran ekologi bagi pelajaran interaktif. Inisiatif ini bertujuan menanam budaya hijau dan menjadikan sekolah sebagai model kelestarian untuk masyarakat.;

Keempat, Penglibatan Komuniti dalam Inisiatif Kelestarian. Bagi memastikan usaha pendidikan hijau tidak terhad kepada bilik darjah sahaja tetapi turut melibatkan masyarakat secara menyeluruh. Kerjasama dengan ibu bapa, NGO dan pihak industri akan diperkukuhkan melalui program seperti kempen kesedaran komuniti, pertandingan inovasi hijau bagi menggalakkan kreativiti serta penyelesaian lestari dalam kalangan pelajar, dan inisiatif lain yang menyokong kelestarian.;

Kelima, Peningkatan Penyelidikan dalam Teknologi Hijau. Institusi pengajian tinggi akan digalakkan untuk memfokuskan penyelidikan kepada teknologi hijau dan tenaga boleh

diperbaharui serta memperkukuh kerjasama dengan industri bagi mengaplikasikan hasil penyelidikan dalam sektor ekonomi hijau. Langkah ini berpotensi mencetuskan inovasi yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampan di Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, Pembangunan Laluan Kerjaya Hijau atau *Green Career Pathway*. Untuk memastikan tenaga kerja negara bersedia menghadapi peralihan ke ekonomi hijau, institusi *TVET* dan pengajian tinggi akan menyediakan laluan kerjaya hijau dengan menawarkan kursus dan latihan berkaitan tenaga hijau, pengurusan alam sekitar serta industri hijau.

Insyallah, dengan adanya pelan ini ianya diharapkan dapat meningkatkan daya saing negara melalui pendidikan hijau yang akan melahirkan pelajar dengan kemahiran relevan untuk sektor ini. Secara tidak langsung, komitmen terhadap kelestarian dapat menarik pelabur dan syarikat global kerana ia meningkatkan reputasi Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang proaktif dalam kelestarian serta menarik eko-pelancongan dan kerjasama antarabangsa.

Penyelidikan dalam teknologi hijau juga berpotensi mencipta peluang ekonomi baharu yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan negara. Demikianlah sahaja yang kaola saya dapat kongsi setakat ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan yang telah pun memberikan penjelasan-penjasannya dalam perdebatan mengenai dengan usul yang berkenaan ini. Alhamdulillah, saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini, saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan. Insya-Allah, kita akan bersidang semula pada hari Khamis iaitu keesokan harinya, 6 haribulan Mac 2025 mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)